



MOHD. IZANI MOHD. ZAIN

Calon usia 18 tahun hadapi masalah kualiti

KUALA LUMPUR: Isu kualiti antara cabaran besar yang dihadapi individu berusia 18 tahun untuk dipilih sebagai calon pilihan raya.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr. Mohd. Izani Mohd. Zain berkata, untuk menjadi wakil rakyat, calon mestilah memiliki kewibawaan dan kematangan politik sedangkan kriteria tersebut tidak boleh dibentuk dalam tempoh singkat.

Katanya, parti-parti politik juga dilihat belum berani dan bersedia meletakkan calon muda sebagai wakil kerana berhadapan risiko keyakinan pengundi.

“Usia 18 tahun ini saya tidak pasti mereka ini sudah cukup matang kerana rata-ratanya masih di bawah jagaan ibu bapa. Jadi, untuk menjadi pemimpin, ia adalah cabaran besar untuk mereka,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Mohd. Izani berkata, baginya tiada masalah individu berusia 18 tahun ke atas mengundi pada pilihan raya namun menjadi calon pada usia itu dilihat sebagai tidak sesuai.

Katanya, mengatakan penglibatan anak muda bakal mengubah landskap politik negara dengan idea segar dan pelbagai bukanlah sesuatu yang boleh dijadikan kayu ukur.